



**BIL ELEKTRIK TURUN 2.1 SEN SETIAP KILOWATT JAM  
BAGI PENGGUNA BUKAN DOMESTIK  
DI KULIM HIGH TECHNOLOGY PARK (KHTP)  
BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 30 JUN 2021**

**PUTRAJAYA, 24 DISEMBER 2020** – Kerajaan pada 18 Disember 2020 telah membuat keputusan dan bersetuju dengan pelanjutan tempoh Regulatori Pertama (RP1) pada tahun 2021 bagi pelaksanaan *Incentive Based Regulation* (IBR) dan pelarasan tarif elektrik di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) di KHTP bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk mengekalkan purata tarif asas elektrik di Kulim High Technology Park (KHTP) pada kadar 35.70 sen/kWj bagi tahun 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan untuk melanjutkan tempoh RP1 (2018-2021) bagi NUR Power Sdn Bhd selama setahun sehingga 31 Disember 2021.

Kerajaan juga bersetuju untuk melepaskan penjimatan kos penjanaan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021 kepada semua pengguna bukan domestik di KHTP berikutan penurunan harga bahan api gas pada separuh tahun kedua 2020. Sehubungan itu, semua pengguna elektrik bukan domestik

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

di KHTP akan menikmati penurunan bil elektrik sebanyak 2.1 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021. Dalam erti kata lain, pengguna bukan domestik di KHTP akan mengalami penurunan kadar surc妖 kepada 0.89 sen/kWj iaitu penurunan 70.23% berbanding kadar surc妖 bagi tempoh 1 Julai 2020 hingga 31 Disember 2020 iaitu 2.99 sen/kWj. Penurunan bil elektrik ini dijangka akan menghasilkan penjimatan sebanyak 3.83% hingga 3.89% kepada pengguna komersial dan 2.60% hingga 5.64% kepada pengguna industri di KHTP.

Di samping itu, pengguna domestik di KHTP pula akan dikecualikan daripada pengenaan surc妖 ICPT dan akan menikmati kadar tarif yang sama seperti kadar tarif domestik TNB bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2021.

Kerajaan percaya bahawa penurunan bil elektrik bagi pengguna bukan domestik dan pengekalan tarif elektrik sedia ada bagi pengguna domestik akan membantu mengurangkan impak penularan pandemik Covid 19 kepada pengguna-pengguna di Kulim High Technology Park.

**- TAMAT -**

Dikeluarkan Oleh:  
Suruhanjaya Tenaga  
24 Disember 2020

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.